



## HST225: SEJARAH TANAH BESAR ASIA TENGGARA


SOALAN 2: “Akibat pengaruh China yang meluas di Vietnam telah membantutkan kreativiti dan minda pentadbir tempatan.” Analisis ketepatan pernyataan ini.

### NAMA AHLI KUMPULAN:

1. ELLYA MAISARAH BINTI SHAFIEE (147900)
2. IZWAN ARIFF BIN ZAILANI (146640)
3. MOHAMAD ZAKWAN BIN ISMAIL (149045)
4. MOHAMAD ASRUL BIN SHAFIE (147937)
5. FATIN NABILA BINTI MOHD ZULKIPLE (147491)
6. FARAH NAJIHA BINTI ABD WAHAB (145467)
7. ISMAIL BIN MOHD ARIFF (147213)

DISEDIAKAN UNTUK: DR TAN CHEE SENG  
TUTORIAL 3: SELASA (5-6 PETANG)

# PEMBENTANG ANGGA PADA HARI INI



# PERNYATAAN TESIS

Kumpulan kami bersetuju bahawa sememangnya terdapat pengaruh China yang meluas di Vietnam dari aspek politik, sosial dan ekonomi yang dianggap telah membantutkan kreativiti serta minda pentadbir tempatan.



# PENGENALAN




- Vietnam - satu daripada negara di Asia yang juga pernah dijajah oleh China selama satu ribu tahun lamanya ( 111 SM hingga 939 selepas Masihi)
- Penjajahan bermula sejak zaman pemerintahan Dinasti Qin - Jeneral Chaou di bawah pemerintahan Qin Huang Ti telah dihantar oleh China untuk menakluki Kwangsi dan Kwangto ( penduduk terdiri daripada Annam dan Thailand).
- Keinginan Maharaja China pada ketika itu untuk meluaskan tanah jajahan adalah disebabkan oleh sistem ketamdunan yang dicapai oleh negara tersebut berbanding dengan yang lain.
- Oleh itu, *proses pencinaan* terhadap Annam dan juga Tongking dirancarkan lagi dan akhirnya berjaya kepada penyatuan negara baru yang disebut sebagai Nan Yue tapi masyarakat Annam menyebutnya sebagai *Nam Viet*.
- Sekitar 939 SM, negara Vietnam berjaya mencapai kemerdekaan daripada cengkaman pengaruh China.
- Walaupun begitu, masih terdapat pengaruh China yang digunakan oleh pentadbir tempatan dalam menguruskan hal berkaitan dengan pentadbiran.



# KONSEP PEMERINTAHAN BERAJA YANG SAMA SEPERTI NEGARA CHINA



- ❖ Berkonsepkan pemusatan kuasa melalui birokrasi pusat yang teguh.
- ❖ Raja-raja Vietnam menggelarkan diri mereka sebagai thein-tu iaitu anak tuhan dan mereka ini sudah mendapat mandat sebagai wakil tuhan untuk memerintah.
- ❖ Pengaruh China melalui sistem pemerintahan ini dapat dilihat menerusi pemerintahan Maharaja Gia Long iaitu bermula pada tahun 1802 sehingga 1806.
- ❖ Pemerintahan & pentadbirannya adalah bertunjangkan model China semata-mata.
- ❖ Konsep mandat dari syurga jelas menampakkan amalan pemusatan kuasa hanya di tangan Maharaja.
- ❖ Sebagai contoh, Maharaja Gia Long berkuasa untuk tidak mengenakan sebarang sekatan terhadap perkembangan agama Kristian di Vietnam walaupun ketika itu telah muncul kontroversi adat di istana dan taat setia rakyat yang beragama Kristian.




- Terdapat golongan pembesar yang membantu maharaja dalam melancarkan pentadbiran. Golongan Mandarin di Vietnam dipengaruhi oleh sistem yang diamalkan di China. Golongan Mandarin yang mendapat pendidikan *Confucius* yang baik adalah yang paling layak untuk menjadi pegawai pentadbiran, mereka akan mengetuai Quan atau kementerian.
- Golongan ini juga sangat berpengaruh kerana mereka melaksanakan tugas-tugas maharaja, mendapat sokongan, sanjungan dan dihormati rakyat, penegak keadilan pentafsir undang-undang dan bertindak sebagai pegawai kehakiman.
- Sama seperti pentadbiran di China, Vietnam juga mempunyai majlis tertinggi iaitu *Noi-cac*. Majlis ini dibentuk dan dipengerusikan oleh maharaja. Baginda akan di bantu oleh enam kementerian iaitu Hal Ehwat Awam, Kerja Raya, Kewangan, Upacara, Kehakiman dan Peperangan. Mereka bertanggungjawab dalam memberikan pandangan kepada maharaja dalam semua hal yang berkaitan dengan pemerintahan dan pentadbiran kerajaan.

Maka tegaslah dapat kami nyatakan bahawa idea dan kreativiti minda para pentadbir Vietnam diperingkat pentadbiran sememang terbantut. Hal ini kerana pengaruh China yang terlalu kuat terhadap Vietnam telah menyebabkan pemerintah Vietnam menyalin atau meniplak sebulat-bulatnya konsep pemerintahan China dan di aplikasikan di dalam negara Vietnam. Ia jelas menunjukkan bahawa minda para pentadbir tertutup kerana memandang China sebagai negara paling unggul untuk dicontoh namun ia telah memberikan kesan terhadap kreativiti pemerintahan tempatan.

## PENGARUH CHINA TERHADAP MELALUI AJARAN KUNGFUTZE & ALIRAN KONFUCIANISME

- Menjadi falsafah politik bermula ketika zaman kerajaan *Wu Tidan* menjadi ideologi negara
- Diterapkan secara langsung dalam kalangan masyarakat vietnam - keharmonian hidup (sesama manusia & alam)
- Amat mempengaruhi pemikiran dan tindak tanduk masyarakat vietnam (golongan memerintah mahupun golongan diperintah) seperti dituntut menuntut ilmu, bersikap ikhlas dan sebagainya.
- Pengaruh china melalui dasar agama ini telah diamalkan di Vietnam melalui buku-buku klasik Cina untuk dijadikan rujukan.
- Secara tidak langsung fahaman ini telah membawa kepada kesinambungan bentuk sistem pendidikan di Vietnam.



- Pengaruh China melalui sektor pendidikan dalam sistem peperiksaan dapat dilihat selepas tahun 1247, hanya ajaran *Konfucianisme* sahaja dikekalkan walhal pada asalnya sistem peperiksaan dalam pemilihan quan yang berdasarkan peperiksaan tam giao juga merangkumi Konfucianisme, Buddhisme dan Taoisme.
- Raja turut mengambil inisiatif lain dalam mengangkat ajaran *Konfutze* dengan menggunakan sistem peperiksaan untuk menguasai rahib-rahib agama Buddha.
- Sistem Peperiksaan dilakukan secara berperingkat iaitu peringkat rendah, peringkat wilayah dan peringkat akhir.
- Hasrat utama pendidikan ini adalah untuk memiliki kedudukan tinggi dalam masyarakat walaupun terdapat para mandarin yang berjaya lulus setiap peringkat ini melalui warisan dan rasuah.
- Sebagai contoh, *Phan Tan Gian* yang merupakan seorang pegawai rendah Vietnam telah diangkat sebagai pegawai rendah melalui penghafalan buku-buku klasik Cina seperti *Hieu Kinh* (Buku Klasik Adat) dan *Tam tu Kinh* (Klasik Tiga Perkataan). Ia jelas menunjukkan para pegawai yang mendapatkan pendidikan China tidak lebih dari sekadar menghafal teks klasik sehingga tidak didedahkan untuk berfikir secara kritis dan kreatif.

Tegasnya, jelaslah bahawa akibat daripada ajaran Kungfutze dan aliran Konfucianisme yang dibawa oleh China telah membantutkan kreativiti dan minda pentadbir tempatan di Vietnam. Hal ini demikian kerana mereka terlalu mengikut banyak pengaruh daripada China berbanding memikirkan sendiri idea dalam sistem pentadbiran di negara mereka sendiri.



## EKONOMI DAN PENGELUARAN MATA WANG



- ❖ Mata wang - bukan sekadar berfungsi dalam bidang ekonomi, namun mampu menjadi identiti nasional.
- ❖ Keputusan untuk mengeluarkan mata wang tersebut adalah di bawah bidang kuasa pemerintah Nguyen Phuc Khoat. Pemerintah Nguyen pada tahun 1746 telah bersetuju dengan cadangan daripada seorang rakyat China yang bernama Huang untuk membeli bach dien untuk dijadikan sebagai mata wang.
- ❖ Perdagangan-Kebanyakan rakyat China yang berhijrah ke Vietnam terutamanya para pedagang menetap di bandar-bandar seperti Thuan Hoa, Hoian dan Hatien di selatan Vietnam.
- ❖ Liu Qing merupakan antara rakyat China yang telah dilantik memegang jawatan dalam menguruskan perdagangan asing.
- ❖ Menguasai sebahagian besar ekonomi di selatan Vietnam terutamanya perdagangan, pembuatan kraf tangan, perkapalan dan perkhidmatan kewangan.
- ❖ Golongan wanita di Vietnam seolah-olah dipermainkan oleh pedagang lelaki Cina. Hal ini demikian kerana sebahagian pedagang Cina mengahwini wanita tempatan dengan tujuan untuk memudahkan urusan perniagaan.

Tegasnya, jelaslah bahawa akibat daripada campur tangan China dalam sistem ekonomi di Vietnam telah mengakibatkan pentadbir Vietnam terbantut dalam menyelaraskan sistem ekonomi dengan baik. Hal ini berikutan China lebih berpengaruh penguasaannya dalam bidang ekonomi berbanding negara Vietnam itu sendiri.

# PENGIJRAHAN ORANG CINA


- Melalui proses pasifikasi China terhadap Vietnam, berlakunya Penghijrahan orang Cina ke selatan secara beramai-ramai.
- Penghijrahan ini juga memberi kesan kepada masyarakat di selatan Vietnam dan juga kepada masyarakat Cina itu sendiri.

Peringkat pertama bermula dari penaklukan yang dilakukan Nanyueh yang diketuai oleh Shah Huang-ti sekitar 225 SM sehinggalah 205 SM.

Peringkat kedua, penghijrahan orang Cina ke Vietnam tercetusnya peperangan besar-besaran dari utara ke atas China dan orang Cina telah lari berpindah ke Selatan.

Peringkat ketiga, berlakunya penghijrahan masyarakat Cina sewaktu berlakunya pemberontakan oleh Huang Choa yang berlaku di selatan pada tahun 879M.

- Pemberontakan ini berpunca apabila Huang Chao dipecat di Canton menyebabkan beliau memberontak dan meletakkan nasib rakyatnya di hujung mata pedang.



- ❖ Sejarah Vietnam dikatakan bermula empat ribu tahun yang lalu dengan Raja De Minh yang berketurunan maharaja China.
- ❖ pengaruh yang menyebabkan migrasi ini berlaku adalah faktor pergolakan politik di China
- ❖ Rakyat dinasti Ming telah berhijrah beramai-ramai ke Vietnam bagi mendapatkan perlindungan politik di selatan Vietnam.
- ❖ Pemerintah Nguyen yang mentadbir selatan Vietnam bersifat terbuka dalam penerimaan pelarian politik China.
- ❖ Menurut pandangan saya selepas pencarian beberapa sumber, penghijrahan orang Cina yang ramai ini jelas membantutkan minda pentadbir tempatan serta memberikan kesan yang kuat terhadap Vietnam kerana terlalu ramai rakyat Cina yang berada di sana.
- ❖ Hal ini menyebabkan Vietnam akan dikongkong serta terikut akan amalan- amalan orang cina akibat sifat keterbukaan yang diamalkan oleh pemerintah Nguyen pada ketika itu.

**Tegasnya, jelaslah bahawa akibat daripada penghijrahan beramai-ramai penduduk China telah mengakibatkan kreativiti dan minda sistem pentadbir tempatan di Vietnam menjadi terbantut disebabkan oleh pengaruh yang kuat daripada China di negara berkenaan.**




# SISTEM KEBUDAYAAN LEBIH KE ARAH PENGARUH CHINA

- Mereka masih mengekalkan identiti kecinaan mereka seperti pemakaian tradisional.
- Menyebarkan dan mengembangkan kebudayaan China khususnya di selatan Vietnam.
- Dinasti Ming penaklukan semasa Perang *Ming-Hồ*, mereka mengenakan lelaki Cina gaya *Han* yang memakai rambut panjang pada lelaki Vietnam yang berambut pendek.
- Pentadbir Ming mengatakan bahawa misi mereka adalah untuk mengadabkan orang barbar Vietnam.
- Ia telah pun disebarikan sejak penaklukan kerajaan dinasti Han di utara Vietnam sehingga menyebabkan bangsa Cina dipandang tinggi oleh dunia dan dikenali sebagai *Con Troi* atau “Anak Langit” serta dianggap sebagai pusat dunia.
- Mereka lebih kepada identiti China daripada identiti Vietnam itu sendiri akibat daripada pengaruh China yang meluas.
- Selain itu, terdapat juga kebudayaan *Dai La* yang mempunyai pengaruh China yang turut diamalkan oleh masyarakat di Utara Vietnam.



- Bukan itu sahaja, pengaruh China dalam aspek tulisan juga amat kuat di Vietnam sehingga tulisan Cina telah digunakan secara meluas dalam dokumen dan karya-karya kesusasteraan sehingga abad ke-20.
- Mereka tidak mampu mengembangkan dengan baik terutamanya dalam bidang kesusasteraan, kepercayaan, pendidikan dan sejarah.
- Perkembangan bahasa juga turut berlaku di dalam kerajaan Vietnam sebagai suatu yang boleh dianggap sebagai perkembangan kebudayaan.
- Bahasa-bahasa China klasik dinasti Han telah menjadi bahasa rasmi semasa penjajahan Cina di Vietnam.

Tegasnya, jelaslah di sini menunjukkan bahawa akibat daripada sistem kebudayaan China yang meluas di Vietnam telah mengakibatkan kreativiti dan minda pentadbir tempatan menjadi terbantut kerana terpaksa akur dengan sistem sosial China.



# AGAMA DAN KEPERCAYAAN

- ❖ Kemasukan agama Buddha, Taoisme dan Konfucianisme di Vietnam.
- ❖ Pengaruh China yang begitu tebal terhadap agama dan kepercayaan telah mengakibatkan Vietnam mengadopsinya sebagai panduan dalam membentuk undang-undang.
- ❖ Penyebaran agama Buddha begitu meluas sekitar abad ke-3 hingga 6 masehi dan istana menjadi lokasi penyebaran agama.
- ❖ Tahun 1075, pemilihan quan dibuat berdasarkan pemeriksaan berkaitan tam giao (Tiga Agama).
- ❖ Tetapi selepas tahun 1275 hanya konfucianisme dikekalkan.
- ❖ Di Utara dan Tengah-pengaruh Buddhisme popular dalam kalangan wanita.
- ❖ Di bahagian Selatan-penyebaran ajaran Buddhisme terbantut.
- ❖ Kemasukan agama katolik pada abad ke-17 dan berkembang sekitar 5 hingga 10 peratus penduduk di bahagian Utara.



- ❖ Gia Long tidak mengenakan sebarang sekatan atau halangan terhadap aktiviti penyebaran agama kristian walaupun timbul masalah adat di istana dan isu taat setia rakyat beragama kristian.
- ❖ Akibat kerisauan terhadap pengaruh baharu yang bakal dibawa masuk dari Eropah, tindakan kejam dilakukan kepada penganut agama kristian.
- ❖ Sekitar tahun 1848 hingga 1860, seramai 25 paderi Eropah, 300 paderi Vietnam dan 30 000 orang rakyat Vietnam dibunuh.
- ❖ Kekejaman ini dimanfaatkan oleh Perancis untuk menakluki di Selatan Vietnam dengan bantuan Portugal dan Sepanyol.

**Tegasnya, jelaslah bahawa akibat daripada pengaruh agama yang kuat daripada China di Vietnam telah mengakibatkan Vietnam terpaksa akur dan mengikut terhadap ajaran agama berkenaan sehingga menimbulkan kesan negatif dalam sistem sosial mereka.**



## KESIMPULAN

- ❑ Terbuktilah terdapat pengaruh - pengaruh China yang masih digunakan secara meluas oleh pentadbir tempatan meliputi aspek politik, sosial dan ekonomi hingga meninggalkan kesan kepada pemikiran pentadbir tempatan.
- ❑ Menurut pandangan Edwin Ghiseli : ciri kepimpinan yang baik adalah apabila seseorang itu berpandangan jauh dan berfikiran kritis serta kreatif dalam menguruskan hal pentadbiran negara.
- ❑ Namun perkara ini berlaku sebaliknya pada negara Vietnam yang boleh dilihat dari segi ketaksuban golongan pemerintah terhadap sistem atau dasar yang diamalkan oleh zaman penjajahan Maharaja China.
- ❑ Perkara ini berlaku mungkin disebabkan oleh ketamadunan yang ditunjukkan oleh negara China yang menyebabkan negara baru seperti Vietnam cenderung untuk mengikutinya.
- ❑ Namun begitu jika dilihat dari sudut yang positif, pengaruh China juga telah meninggalkan kesan positif kepada pentadbiran negara Vietnam seperti teknik binaan
- ❑ Perkara ini secara tidak langsung telah membantu negara Vietnam berkembang dari segi pembangunan kerana dapat memperbaiki serta meningkatkan lagi teknik.



# RUJUKAN

- Abdul Rahman Haji Ismail, *China Pensejarahan dan Pembinaan Tamadun* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2001).
- Abdul Talib Ahmad, *Sejarah Tanah Besar Asia Tenggara* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991).
- Abu Talib Ahmad, *Sejarah Tanah Besar Asia Tenggara (Cetakan Kedua)* (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 2017).
- Devillers, Philippo, *Sejarah Indo-China Moden: Perkembangan Sosiopolitik hingga abad ke-20* (Kuala Lumpur Dewan Bahasa dan Pustaka, 1988).
- Fall, Bernard B., *The Viet-Minh Regime: Government and Administration in the Democratic Republic of Vietnam* (Ithaca: Cornell Univerisity, 1982).
- Hall, D.G.E, *Sejarah Asia Tenggara* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Pelajaran Malaysia, 1979).
- Steinberg, David Joel, *Mengenali Sejarah Asia Tenggara Moden* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1981).
- Suffian Mansor, *Tamadun China* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2003).



SEKIAN,  
TERIMA  
KASIH